



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُونُو لِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**BULETIN
UNIT RESIDENSI
& HOSPITALITI
PELAJAR**

U

R

H

P

**EDISI 3
OKTOBER 2025**

JOURNEY AFTER LIFE (KURSUS PENGURUSAN JENAZAH)

NAZ ASYRAF MOHAMMAD NAZARUL, ILY SYAHAYMIL HAFIY RAZMAN &
MUHAMMAD AIMAN AWALUDDIN



Pada 19 April 2025, program “*Journey After Life* (Kursus Pengurusan Jenazah)” telah diadakan di Pusat Islam Sheikh Haji Ahmad Said, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.

Program ini dianjurkan khusus untuk memberi pendedahan dan mengajar tatacara pengurusan jenazah serta memberikan kefahaman tentang cara menghadapi pelbagai situasi dalam pengurusan jenazah. Program ini bertujuan memberi peluang pembelajaran baharu kepada Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan mahasiswa yang kurang pendedahan dalam bidang pengurusan jenazah yang merupakan salah satu ibadat dalam tuntutan agama islam.



Program bermula dengan pendaftaran peserta pada jam 8 pagi, diikuti dengan sesi ceramah dan teori pada pukul 9 pagi oleh Imam Besar Negeri Sembilan iaitu Encik Taufik bin Hamdan. Pada pukul 11 pagi, peserta menjalani sesi praktikal, dan pada pukul 12 tengahari diadakan Majlis Penyampaian Skwad Pengurusan Jenazah. Program berakhir dengan sesi bersurai pada pukul 1 petang. Seramai 94 pelajar telah mengambil bahagian dalam program ini, terdiri daripada 19 lelaki dan 75 perempuan.



Seramai 20 orang mahasiswa telah dipilih secara telita ketika program berlangsung. Pemilihan ini dilihat dari aspek cara pengurusan dan kefahaman para mahasiswa terhadap pengurusan jenazah. 20 mahasiswa ini dilantik sebagai Skwad Pengurusan Jenazah UiTM Negeri Sembilan Kampus Seremban.

Turut hadir memeriahkan program ialah iaitu Encik Taufik bin Hamdan Imam Besar Masjid Negeri Sembilan, Tc. Saiful Hasbullah bin Abdul Majid Ketua Staf Residan Kolej (SRK), dan Dr. Muhammad Aiman bin Awaluddin penasihat program.



Bajet yang dimohon bagi menjayakan program ini adalah sebanyak RM 1,796.00, namun bajet yang diluluskan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Kampus Seremban adalah RM 700.00. Peruntukan bajet tersebut digunakan untuk keperluan program seperti penyediaan makanan untuk VIP dan peserta, pembuatan banner dan banting, cenderamata, serta honorarium kepada tenaga pengajar dan penganjur.



Program *Journey After Life* telah mencapai objektifnya dengan cemerlang, memberikan ilmu dan pengalaman praktikal yang berguna kepada peserta dalam pengurusan jenazah. Pihak penganjur mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat, termasuk peserta, VIP, dan pihak pengurusan UiTM, atas sokongan dan kerjasama yang diberikan. Diharapkan program ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memperkukuh ilmu dan kemahiran dalam bidang pengurusan jenazah di kalangan mahasiswa.

